

25 AUG 1998

#### UMNO SELANGOR CALONKAN MAHATHIR KEKAL SEBAGAI PRESIDEN

SHAH ALAM, 25 Ogos (Bernama) -- Kesemua 17 bahagian Umno Selangor akan mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk kekal sebagai Presiden parti pada pemilihan pucuk pimpinan tahun depan.

Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar berkata keputusan sebulat suara itu dicapai pada mesyuarat Perhubungan Umno negeri pada 17 Ogos lalu.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor berkata Umno Selangor tidak akan berganjak daripada tanggungjawabnya untuk melindungi Dr Mahathir daripada "diperlekehkan" atau digugat oleh mana-mana pihak sama ada dari dalam atau luar negara.

"Kami sedar bahawa ini bukan kali pertama Dr Mahathir telah membawa negara keluar daripada kemelut ekonomi," kata Abu Hassan ketika berucap pada majlis perjumpaan antara Dr Mahathir dan barisan pemimpin Umno Selangor di kediamannya di Bukit Megawati disini.

Dr Mahathir sedang melakukan lawatan kerja sehari ke Selangor.

Abu Hassan berkata Umno Selangor juga bertekad untuk bertindak secara strategik dan sentiasa bersedia menghadapi apa-apa kemungkinan dalam usaha mengekalkan kestabilan politik dan kepentingan bangsa Melayu serta syiar Islam.

Beliau berkata bagi tujuan itu, Umno Selangor telah menubuhkan Unit Perancangan Strategik bertujuan menyediakan para sukarelawan Umno yang akan bersedia bertindak untuk parti.

"Persedian kami begitu rancak dan azam kami begitu padu sehinggakan jika esok disyiharkan pilihan raya, kami di Umno Selangor tetap bersedia untuk melaksanakan tugas masing-masing," katanya.

-- BERNAMA

AZH WAT